

**SULIT**  
**1103/1**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 1**  
**Ogos**  
**2010**  
**2 ¼ jam**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH**  
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 1**

Dua jam lima belas minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI**  
**SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian, *iaitu* Bahagian A dan Bahagian B.
2. Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.
3. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak.

**[Lihat sebelah**  
**SULIT**

1103/1

**Bahagian A**

[30 markah]

(Masa yang dicadangkan : 45 minit)

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada aktiviti khidmat masyarakat. Huraikan pendapat anda tentang faedah-faedah melibatkan diri dalam aktiviti khidmat masyarakat. Panjangnya huraian anda antara 200 hingga 250 patah perkataan.

**KHIDMAT MASYARAKAT**

Membina sikap sukarela - Modul Khidmat Komuniti Program Khidmat Negara.

Mengukuhkan semangat kerjasama - aktiviti gotong-royong



Memupuk perasaan cinta akan alam sekitar - aktiviti kokurikulum.



**Bahagian B**

[100 markah]

(Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit)

Pilih satu daripada soalan-soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

1. Remaja kini gemar berhibur. Hal ini amat membimbangkan semua pihak kerana remaja merupakan aset penting kepada negara.

Bincangkan kesan-kesan gejala suka berhibur kepada golongan remaja.

2. Keluarga sepatutnya menjadi institusi yang selamat. Namun begitu, kejadian penderaan kanak-kanak oleh ahli keluarga masih berleluasa.

Berikan saranan anda tentang peranan institusi keluarga bagi membanteras gejala ini.

3. Anda akan mewakili sekolah dalam suatu pertandingan syarahan. Tajuk syarahan tersebut ialah "Prasarana Berkualiti Memacu Industri Pelancongan".

Tulis syarahan itu selengkapnya.

4. Kegiatan jenayah yang membabitkan perdagangan manusia kini menjadi isu sejagat.

Bincangkan aspek kerjasama antara Malaysia dengan negara-negara jiran untuk menangani masalah tersebut.

5. *Tikar pucuk, tikar mengkuang,  
Alas nikah raja Melayu;  
Ikan busuk jangan dibuang,  
Buat perencah sidaun kayu.*

(Dipetik daripada Pantun Kiasan, Antologi  
*Anak Laut*, DBP)

Petikan di atas membawa maksud sesuatu yang kurang baik atau rosak janganlah dibuang kerana berkemungkinan masih boleh digunakan.

Tulis sebuah cerpen berdasarkan maksud pantun di atas.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

**SULIT**  
**1103/2**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 2**  
**Ogos**  
**2010**  
**2 ½ jam**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH**  
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010**

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

Dua jam tiga puluh minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI**  
**SEHINGGA DIBERITAHU**

1. Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Jawapan bagi soalan 2(b), 2(c), 2(d) dan soalan 4 berdasarkan teks komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan 5.
4. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

---

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak.

[Lihat sebelah  
**SULIT**

**Soalan 1 : Rumusan**  
**[30 markah]**

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian buat satu rumusan tentang peranan sekolah memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar dan faedahnya kepada negara. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Sekolah dalam apa-apa jua keadaan harus sentiasa menjadi penggalak kepada pelajar agar mempunyai *tanggapan yang positif* terhadap negara sendiri. Pepatah "hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri", seharusnya dibincangkan dengan mendalam di sekolah.

Sebagai agen perpaduan, sekolah pada dasarnya bertanggungjawab menerapkan nilai murni kepada para pelajar. Sifat yang wujud dalam nilai murni ini diharapkan dapat mengubah persepsi pelajar terhadap kepentingan kewujudan masyarakat majmuk di negara ini. Satu perkara lagi yang seharusnya dipupuk dalam kalangan pelajar di negara ini ialah pengetahuan dan sikap positif pelajar terhadap negara Malaysia yang tercinta ini. Pelajar hendaklah diberi kefahaman bahawa mereka seharusnya mempunyai identiti rakyat Malaysia yang sebenar.

Sementara itu, sekolah juga merupakan agen sosialisasi yang sangat berkesan. Dalam hal ini, sekolah hendaklah memastikan bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa pengantar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama, pembelajaran di sekolah seharusnya menekankan kaedah yang membolehkan pelajar memahami roh dan prinsip Rukun Negara. Perkara ini semakin tidak dihiraukan oleh kebanyakan pihak. Begitu juga halnya dengan proses pemasyarakatan pelajar. Pelajar perlu dilatih, diasuh, dikawal dan dikehendaki mengikuti dan mengamal nilai-nilai murni yang menjurus ke arah perpaduan dalam kalangan masyarakat. Institusi ini juga mampu menerapkan nilai-nilai murni itu ketika guru dan pelajar melaksanakan aktiviti-aktiviti secara kolektif. Perkara ini boleh dilaksanakan ketika sekolah mengadakan aktiviti-aktiviti seperti perhimpunan harian, nyanyian lagu Negaraku, pembacaan ikrar Rukun Negara dan upacara menaikkan bendera. Peranan guru di sekolah amatlah besar dalam merealisasikan hasrat murni ini. Mereka perlu memastikan setiap aktiviti menghayati dan mengamalkan perpaduan, semangat kenegaraan, kebersamaan, dan patriotisme. Sikap guru itu sendiri perlu menunjukkan bahawa perpaduan sangat penting kerana tindakan guru boleh mempengaruhi para pelajar di sekolah.

Sistem pendidikan semata-mata tidak akan mampu mewujudkan perpaduan yang menjadi asas gagasan Satu Malaysia. Ibu bapa sepatutnya menyokong dan membantu guru merancang serta melaksanakan apa-apa jua program yang boleh memenuhi hasrat dan cita-cita murni ini. Di rumah, ibu bapa seharusnya menyambung segala tugas guru untuk memupuk perpaduan supaya tidak wujud pertembungan nilai, di samping menjadi suri teladan ketika berinteraksi dengan masyarakat sekeliling yang berlainan kaum. Jika kedua-dua pihak memainkan secara kolektif peranan ini secara sedar dan bersungguh-sungguh, sudah pasti gagasan hebat ini akan menjadi kenyataan.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada "Merealisasikan Gagasan Satu Malaysia"  
oleh Mohd. Saleh Ismail, *Dewan Masyarakat*, September 2009)

**Soalan 2 : Pemahaman**  
[35 markah]

**Soalan 2(a) Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *tanggapan yang positif*.  
[2 markah]
- (ii) Bagaimanakah ibu bapa dapat membantu pihak sekolah merealisasikan hasrat untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan pelajar?  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah halangan-halangan yang dihadapi oleh pihak sekolah dalam menjayakan agenda perpaduan negara?  
[4 markah]

**Soalan 2(b) Petikan Cerpen**

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

"Minum nak," ucap ibu Daneng sambil menghadirkan kopi O dan ubi kayu rebus.

Jo mengucapkan terima kasih lalu meneguk air kopi itu. Pandangan matanya menangkap kesederhanaan isi pondok itu. Tiada sebarang perabot moden di dalam rumah itu. Hanya beberapa buah bantal buruk dan sebuah almari usang yang memenuhi pondok besar itu. Bagi diri Jo, itu satu kekurangan tetapi Jo sedar bahawa tuan punya rumah tidak berpendapat begitu. Apa besarnya pada sebuah kerusi empuk ataupun kipas angin jika alam yang menghijau dianggap empunya.

"Pak cik ke mana?"

"Ke hulu untuk memancing. Kalau ada rezeki, dapatlah ikan. Sambil itu pak cik juga mencari petai. Kali ini, anak Jo mesti membawa pulang petai ke rumah.

Jo mengangguk. Dia teringat akan keenakan masakan ikan haruan bukit dan petai hutan dara yang pernah dimakannya di rumah ini tidak lama dahulu. Air liurnya ditelan.

(Dipetik daripada cerpen Lambaian Malar Hijau  
oleh Saroja Theavy a/p Balakrishnan dalam antologi *Anak Laut*, Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Nyatakan keadaan isi pondok tempat tinggal Daneng sekeluarga.  
[2 markah]
- (ii) Pada zaman globalisasi ini, wajarkah Daneng mempertahankan cara hidupnya itu?  
[3 markah]
- (iii) Jelaskan dua nilai murni daripada petikan di atas dan dua nilai murni lain yang terdapat dalam keseluruhan cerpen ini.  
[4 markah]

**Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik**

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Dan Tuan Bujang pun sampailah umur tiga belas tahun. Maka Tuan Bujang pun minta pergi ke Batanghari, hendak mencari ilmu. Maka dilepas akan Puteri Jilan. Maka Tuan Bujang pun turunlah, menumpang orang Minangkabau, orang Pagaruyung. Dan berjalan sampai ke Tambang, dan lalu ke Limun, Batanghari. Serta sampai di situ, maka Tuan Bujang pun hendak pergi ke Rawas, hulu Palembang. Dan Tuan Bujang pun sampailah ke Rawas, lalu hilir ke Palembang. Dan Tuan Bujang datang menghadap Sultan Lema Abang, lalu Tuan Bujang berdatang sembah, *hendak berhamba akan dirinya*, menggula.

Maka Sultan Lema Abang pun terlalu sukacita melihat sikap Tuan Bujang itu. Maka diperliharakan sultan. Jika sultan berjalan atau dihadap orang, akan Tuan Bujang membawa tepak. Dan selama Tuan Bujang membawa tepak, sultan tiada boleh duduk di atas, kegatalan punggungnya, jikalau berjalan dahulu, sultan tiada terjalan, seperti ada orang memegangnya. Dan Sultan Lema Abang pun hairan, lalu bertitah, "Selama budak ini membawa tiga puluh dua tepakku ini, tiadalah sedap tubuhku, sakit sahaja."

(Dipetik daripada Asal Usul Raja Kecil dalam antologi Kerusi,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *hendak berhamba akan dirinya* berdasarkan petikan di atas. [2 markah]
- (ii) Apakah keistimewaan-keistimewaan yang ada pada Tuan Bujang? [3 markah]
- (iii) Andaikan anda Puteri Jilan, apakah nasihat yang akan anda berikan kepada Tuan Bujang sebelum Tuan Bujang keluar mencari ilmu? [3 markah]

**Soalan 2(d) Puisi**

Baca puisi di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**SYAIR KELEBIHAN ILMU**

Ilmu itulah gemala sakti,  
Sinarnya cerah cahaya sejati,  
Asal puncanya lamun didapati,  
Sukar bercerai sehingga mati.

Harganya tidak dapat dinilai,  
Sebuah dunia belinya bukan,  
Kuasanya besar sukat digunakan,  
Di laut di darat di rimba di pekan.

Masa seorang ialah taulan,  
Teman berbeka suluh berjalan,  
Masa berhimpun ia pengenalan,  
Hias penyata polan si polan.

Bagi yang duka ia penghibur,  
Ia penerang bagi yang kabur,  
Ialah kandil di dalam kubur,  
Lamun dengannya beramal subur.

Ia penerang jalan ke syurga,  
Ia pemuas tekak yang dahaga,  
Ialah sungai ialah telaga,  
Laut yang luas ialah juga.

Ialah alat sangat berguna,  
Idaman orang yang bijaksana,  
Hamparnya luas amat saujana,  
Tepinya ajal sempadannya fana.

Za'ba.  
Antalogi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berdasarkan rangkap dua, nyatakan kelebihan ilmu. [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh kerajaan untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berilmu? [3 markah]
- (iii) Nyatakan bentuk puisi di atas. [3 markah]



**Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa**

[30 markah]

*Jawab semua soalan*

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap kata majmuk di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan, menggunakan perkataan sebagai peribahasa dan nama khas.*

- (i) aman damai
- (ii) bijak bestari
- (iii) cantik menawan
- (iv) gagah berani
- (v) harum mewangi
- (vi) sihat sejahtera

[6 markah]

(b) *Tulis ayat-ayat di bawah ini semula supaya menjadi enam ayat tanpa mengubah maksud asal ayat-ayat tersebut.*

Program Nilam menekankan kuantiti buku yang dibaca dan pelajar diberi kebebasan memilih jenis bacaan. Bahan yang menjadi pilihan pelajar ialah bahan yang hampir dengan umur dan persekitaran mereka. Hal itu dianggap memadai pada peringkat asas dan sederhana.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Matalamat kerajaan membasmikan kemiskinan tidak akan berjaya tanpa adanya kerjasama antara semua pihak.
- (ii) Pencapaian akedemik pelajar-pelajar sekolah itu amat mengkagumkan.
- (iii) Hasil pemeriksaan, pihak polis telah menemukan pemilik passport antarabangsa yang hilang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

[6 markah]

**SULIT**

(d) Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah** dan **satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Rakyat Malaysia yang pelbagai bangsa, perlu memberikan sokongan dengan padu dan tidak berbelah bahagi untuk menjayakan gagasan Satu Malaysia.
- (ii) Kerajaan telah memberikan komitmen yang sewajarnya di dalam mengkaji peningkatan harga minyak.
- (iii) Kebanyakan penduduk-penduduk kampung itu akan bergotong-royong apabila tiba musim mengambil padi.

[6 markah]

(e) Baca ayat-ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan **tiga** peribahasa yang sesuai dengan situasi tersebut.

"Tidak malukah aku jika ada murid Tingkatan Satu tidak pandai membaca pada akhir tahun nanti? Ah, beratnya tugas aku, mengajar daripada kosong kepada berisi penuh ilmu di dada." Hati Cikgu Melati mengeluh.

"Mengapa aku tidak disuruh mengajar Tingkatan lima? Mereka tentu sudah tahu berbahasa. Aku sanggup mengajar bersungguh-sungguh sehingga mereka lulus cemerlang dalam SPM."

Apabila mengenangkan cabaran itu, Cikgu Melati menjadi rajin. Dia tekad menyahut cabaran. Sasarannya ialah semua murid dapat membaca pada akhir tahun.

[6 markah]

1103/2

[Lihat sebelah  
**SULIT**

**Soalan 4 : Novel**

[15 markah]

Jawab soalan di bawah. Jawapan anda hendaklah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusuf.
- (ii) Julia karya Abu Hassan Morad.

- (a) Jelaskan dua perwatakan bagi satu watak sampingan dalam sebuah novel yang anda pelajari.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan dua buah novel yang anda pelajari, huraikan perbezaan latar masyarakat dalam kedua-dua novel tersebut.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

*SULIT*

*1103/1(PP)*

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH  
NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010**

---

---

**BAHASA MELAYU  
Kertas 1  
PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**Bahagian A : Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan  
(30 markah)**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	26 – 30  (28 – 30)  (26 – 27)	- <b>menepati</b> tugas soal - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca betul dan <b>tepat</b> - penggunaan kosa kata <b>luas dan tepat</b> - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - mesti menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b> - idea relevan, huraian jelas dan <b>matang</b>
Kepujian	20 – 25  (23 – 25)  (20 – 22)	- <b>menepati</b> tugas soal - bahasa gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca <b>betul dan tepat</b> - penggunaan kosa kata <b>luas</b> - wacana lengkap, unsur bahasa bervariasi - idea relevan, huraian jelas
Memuaskan	15 – 19  (17 – 19)  (15 – 16)	- <b>masih</b> menepati tugas soal - bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat - penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat - penggunaan kosa kata <b>umum</b> - wacana <b>masih</b> lengkap, unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi - idea <b>masih</b> relevan, huraian <b>masih</b> jelas
Kurang Memuaskan	10 -14  (12 – 14)  (10 – 11)	- <b>masih/kurang</b> menepati tugas soal - bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat - <b>kesalahan tatabahasa/ejaan ketara</b> - penggunaan kosa kata terhad - wacana <b>kurang</b> lengkap, unsur bahasa kurang bervariasi - idea <b>kurang</b> relevan, huraian <b>kurang</b> jelas
Pencapaian Minimum	01 – 09  (06 – 09)  (01 – 05)	- calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis - banyak kesalahan bahasa (kata dan ayat) - idea <b>tidak</b> menepati tugas soal

*Peringatan:*

- Ungkapan menarik – peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat al-Quran dan lain-lain.
- Peringkat cemerlang – calon mesti menggunakan sekurang-kurangnya satu ungkapan menarik yang relevan.
- Jawapan yang menyeleweng, markah maksimum ialah 'memuaskan'.
- Sekiranya calon menulis lebih 250 patah perkataan, periksa seperti biasa.
- Kesalahan ejaan tidak ditolak markah.

**SULIT**

**1103/1(PP)**

Bahagian B - Karangan Respons Terbuka(100 markah)

Perincian Pemarkahan

Cara Pemeriksaan :

1. Pemeriksaan dijalankan secara holistik berpandukan peringkat dan kriteria yang ditetapkan
2. Jika karangan :
  - a. Kurang daripada 350 perkataan, periksa seperti biasa
  - b. Terlalu panjang – periksa seperti biasa hingga ke akhir karangan
3. Kesalahan ejaan hendaklah ditolak  $\frac{1}{2}$  markah dan pemotongan maksimum ialah sebanyak 3 markah. Tiada pemotongan markah bagi kesalahan ejaan yang berulang.

**KRITERIA PENSKORAN**

<b>PERINGKAT</b>	<b>MARKAH</b>	<b>KRITERIA</b>
CEMERLANG	80 – 100 (90 – 100) (80 – 89)	- penggunaan pelbagai jenis kata yang <b>luas dan tepat</b> - penggunaan pelbagai <b>ayat majmuk yang gramatis</b> - ejaan dan tanda baca <b>betul</b> - laras bahasa sesuai dengan tugas - penggunaan kosa kata <b>luas dan tepat</b> - idea yang relevan mengikut tugas, diuraikan dengan <b>jelas dan matang</b> , disertakan dengan contoh yang sesuai - pengolahan <b>menarik dan berkesan</b> serta pemerengganan sesuai - wacana <b>lengkap</b> dan terdapat <b>kesinambungan idea yang jelas</b> antara perenggan - penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b> - <b>gaya bahasa menarik</b> daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
KEPUJIAN	66 – 79 (73 – 79) (66 – 72)	- penggunaan pelbagai jenis kata yang <b>tepat</b> - penggunaan pelbagai ayat majmuk yang gramatis tetapi <b>terdapat kesalahan yang minimum</b> - ejaan dan tanda baca betul - laras bahasa sesuai dengan tugas - penggunaan <b>kosa kata luas dan tepat</b> - <b>idea yang relevan mengikut tugas</b> , diuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai - <b>pengolahan menarik dan berkesan</b> serta pemerengganan sesuai - wacana <b>lengkap</b> dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan - penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b> - <b>gaya bahasa masih menarik</b> daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa
BAIK	51 – 65 (58 -65) (51 – 57)	- penggunaan <b>pelbagai jenis kata yang sesuai</b> - penggunaan pelbagai ayat majmuk gramatis tetapi <b>terdapat kesalahan yang minimum</b> - ejaan dan <b>tanda baca</b> masih betul. - penggunaan <b>kosa kata umum</b> - laras bahasa sesuai mengikut tugas - idea <b>masih relevan</b> mengikut tugas, huraian isi <b>masih jelas</b> dan contoh <b>masih sesuai</b>

**SULIT**

**1103/1(PP)**

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- pengolahan <b>masih menarik</b> dan pemerenggan masih sesuai</li> <li>- wacana masih lengkap</li> <li>- penggunaan unsur bahasa <b>masih bervariasi</b></li> <li>- <b>gaya bahasa</b> kurang menarik daripada segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan kurang berkesan</li> </ul>
MEMUASKAN	<p>36 – 50</p> <p>(43 – 50)</p> <p>(36 – 42)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan pelbagai jenis kata <b>terhad</b></li> <li>- ayat <b>kurang gramatis</b></li> <li>- ejaan dan tanda baca betul tetapi terdapat kesalahan yang minimum</li> <li>- penggunaan <b>kosa kata umum dan terhad</b></li> <li>- <b>laras bahasa</b> kurang sesuai</li> <li>- idea masih relevan mengikut tugasan, huraian isi <b>kurang</b> jelas dan contoh <b>kurang</b> sesuai</li> <li>- <b>pengolahan</b> kurang menarik</li> <li>- <b>wacana</b> masih/kurang lengkap</li> <li>- penggunaan unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi</li> <li>- gaya bahasa <b>kurang</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>kurang</b> berkesan</li> </ul>
KURANG MEMUASKAN	<p>21 – 35</p> <p>(28 – 35)</p> <p>(21 – 27)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- penggunaan kata <b>kurang tepat</b></li> <li>- ayat <b>tidak gramatis</b> tetapi <b>masih difahami</b></li> <li>- terdapat kesalahan <b>ejaan dan tanda baca</b> yang ketara</li> <li>- idea masih relevan/idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai</li> <li>- <b>pengolahan</b> tidak menarik</li> <li>- <b>wacana</b> tidak lengkap dan <b>binaan perenggan</b> tidak seimbang</li> <li>- Unsur bahasa <b>tidak bervariasi</b></li> <li>- gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah</b></li> </ul>
PENCAPAIAN MAKSIMUM	<p>01 – 20</p> <p>(11 – 20)</p> <p>(01 – 10)</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- keseluruhan menunjukkan penggunaan <b>kata dan ayat yang tidak gramatis</b></li> <li>- kesalahan ejaan dan tanda baca yang ketara</li> <li>- idea bercampur aduk dan huraian tidak jelas/tidak berkembang dan contoh tidak sesuai</li> <li>- pengolahan <b>tidak menarik</b></li> <li>- wacana tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai</li> <li>- gaya bahasa dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan <b>lemah serta tidak menarik</b></li> <li>- keseluruhan karangan <b>sukar/tidak difahami</b></li> </ul>

Catatan:

Soalan 3 -

Format: Syarahan  
4 markah akan dipotong jika tiada format  
Markah akan dipotong jika tiada:

Menghadapkan majlis – 2 markah

Tuan-tuan dan puan-puan  
di tengah-tengah perbahasan - 1 markah  
penutup - 1 markah

Soalan 5: Cerpen : semakan secara *impression*, beri penekanan terhadap keberkesanan plot dan teknik plot.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

**SULIT**  
**1103/2(PP)**  
**Bahasa**  
**Melayu**  
**Kertas 2**  
**Peraturan**  
**Pemarkahan**  
**Ogos**  
**2010**

**1103/2(PP)**

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA**  
**SEKOLAH MENENGAH**  
**NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2010**

---

---

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

---

---

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**



**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagikan kepada:

- a. Isi - 20 markah
- b. Bahasa - 10 markah

(a) **Isi** [ 20 markah]

**Nota:**

(i) Panduan mengira perkataan:

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.

- 1. Nama khas
- 2. Perkataan berulang
- 3. Penggunaan kata depan
- 4. Tarikh
- 5. Angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan

(ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

(iii) Periksa jawapan calon setakat 120 perkataan sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

(iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>										<b>Markah</b>
Pendahuluan											<b>2</b>
Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12		
Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	<b>16</b>	
Penutup/Kesimpulan											<b>2</b>
<b>Jumlah markah</b>											<b>20</b>

**Pendahuluan/Pengenalan** [2 markah]

Petikan membincangkan **tugas/kewajipan/tanggungjawab** sekolah memupuk perpaduan dalam kalangan pelajar / murid di sekolah **(2m)**

**Isi tersurat [4 - 12 markah]**

**(Usaha-usaha)**

1. Menerapkan nilai murni **(2m)**
2. Memupuk pengetahuan dan sikap positif terhadap negara **(2m)**
3. Memberikan kefahaman bahawa pelajar seharusnya mempunyai identiti rakyat Malaysia **(2m)**
4. Memastikan bahasa Melayu digunakan sebagai pengantar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran **(2m)**
5. Menekankan kaedah yang membolehkan pelajar memahami roh dan prinsip Rukun Negara dalam pengajaran guru. **(2m)**.
6. Melatih/mengasuh/mengawal supaya pelajar mengamalkan nilai-nilai murni yang menjurus ke arah perpaduan **(2m)**
7. Menerapkan nilai-nilai murni ketika guru-guru dan pelajar melaksanakan aktiviti secara kolektif. **(2m)**
8. Guru perlu memastikan setiap pelajar menghayati dan mengamalkan perpaduan **(2m)**.
9. Guru perlu mempamerkan sikap bahawa perpaduan itu penting. **(2m)**

**Isi tersirat [4 - 12 markah]**

**(Faedah)**

1. Mewujudkan perasaan persefahaman antara kaum **(2m)**.
2. Mengurangkan sentimen perkauman / kadar pergaduhan antara kaum **(2m)**
3. Meningkatkan nilai patriotisme / cinta akan negara **(2m)**.
4. Melahirkan generasi yang sanggup berkorban untuk negara **(2m)**.
5. Mengurangkan pelbagai masalah disiplin di sekolah **(2m)**.
6. Menanam sikap saling menghormati / menghormati yang tua, menyayangi yang muda **(2m)**.
7. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara **(2m)**.
8. Meningkatkan kadar pelaburan asing **(2m)**.

**Kesimpulan** [2 markah]

1. Semangat perpaduan harus menjadi agenda penting negara supaya kesejahteraan rakyat terjamin. **(2m)**

**Atau**

2. Semua pihak perlu memainkan peranan untuk menyemarakkan semangat perpaduan demi kesejahteraan negara **(2m)**.

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada setengah markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut.

Peringkat	Markah isi	Markah Bahasa	Huraian
<b>Baik</b>	18 - 20	9 - 10	- Kesenambungan isi baik - Struktur ayat/tatabahasa baik
	15 - 17	7 - 9	- Kosa kata luas - Tanda baca/ejaan betul.
<b>Sederhana</b>	12 - 14	6 - 7	- Kesenambungan isi masih baik - Struktur ayat/tatabahasa masih memuaskan
	8 - 11	4 - 6	- Kosa kata masih memuaskan - Tanda baca/ejaan masih Memuaskan
<b>Lemah</b>	1 - 7	1 - 4	- Pada keseluruhannya serba kekurangan/ tidak memuaskan

**Nota:**

- (i) Jika bahasanya agak baik, **tambah 1 markah** lagi
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat walaupun jumlah perkataan kurang daripada 120 perkataan, **berikan 0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** perkataan, **markah tidak dipotong**.
- (v) Jika jawapan ditulis dalam bentuk poin, berikan 50% daripada markah bahasa yang diperolehi.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- 2(a) : **9** markah
- 2(b) : **9** markah
- 2(c) : **8** markah
- 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi soalan 2(a) hingga 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/sepurna**
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks, dan jawapan itu **tepat/betul**, berikan **separuh (50%)** daripada **markah yang diperuntukkan** sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis - Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
- Isi kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
- Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi kurang lengkap/kurang relevan dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas tetapi ayat gramatis	0

**SULIT**

**6**

**1103/2(PP)**

**Soalan 2 (a) : Petikan Umum**

**Markah**

- (i) Maksud rangkai kata *tanggapan yang positif*.  
**Persepsi / pandangan / gambaran yang baik / elok / bagus**  
[maksimum: 2 markah]
- (ii) - Menyokong guru merancang / melaksanakan program (1m)  
- Membantu guru merancang / melaksanakan program (1m)  
- Menyambung segala tugas guru memupuk perpaduan di rumah (1m)  
- Menjadi suri teladan ketika berinteraksi dengan masyarakat sekeliling yang berlainan kaum (1m)  
[maksimum: 3 markah]
- (iii) - Pelajar / guru cenderung menggunakan bahasa ibunda masing-masing (1m)  
- Guru menganggap agenda perpaduan sebagai perkara remeh (1m)  
- Ibu bapa tidak menggalakkan pergaulan merentas kaum (1m)  
- Perasaan prejudis / buruk sangka terhadap kaum lain (1m)  
- Budaya sekolah berorientasikan peperiksaan (1m)  
[maksimum: 4 markah]

**Soalan 2(b) : Petikan Cerpen**

- (i) Isi pondok
- |                              |   |
|------------------------------|---|
| - Tiada sebarang perabot     | 1 |
| - Beberapa buah bantal buruk | 1 |
| - Sebuah almari usang        | 1 |
- [maksimum: 2 markah]
- a) Wajar
- |  |   |
|--|---|
| - Kos hidup rendah                         | 1 |
| - Mengelak pembaziran                      | 1 |
| - Kurang terdedah kepada budaya negatif    | 1 |
| - Tidak perlu berhutang                    | 1 |
| - Mempertahankan alam sekitar              | 1 |
| - Mempertahankan kehidupan/warisan tradisi | 1 |
- Tidak wajar
- |  |   |
|--|---|
| - Perlu menuntut ilmu terlebih dahulu demi masa depannya | 1 |
| - Perlu bersikap terbuka untuk berubah                   | 1 |
| - Menjadi suri teladan/ <i>role model</i> kepada kaumnya | 1 |
| - Dapat memajukan masyarakatnya                          | 1 |
| - Harus seiring dengan perubahan zaman                   | 1 |
- [maksimum : 3 markah]

**1103/2(PP)**

[Lihat sebelah

**SULIT**

**SULIT**

7

1103/2(PP)

- (iii) Nilai
- Dua nilai** daripada petikan
- hormat-menghormati  
Contoh : ibu Daneng menyambut dengan hormat kedatangan Cikgu Jo  
1 + 1
  - kesyukuran  
Contoh: Daneng sekeluarga bersyukur dengan keadaan kehidupan mereka sekeluarga.  
1 + 1
  - berbudi bahasa  
Contoh: ibu Daneng berbahasa sewaktu mempelawa Cikgu Jo minum  
1 + 1
  - baik hati/pemurah  
Contoh: Ibu Daneng membekalkan petai untuk dibawa pulang oleh cikgu Jo,  
1 + 1
- Dua nilai** daripada keseluruhan cerpen:
- patriotik  
Contoh: Daneng amat menyayangi kampung halaman/hutan itu.  
1 + 1
  - ketabahan/kegigihan/kesabaran/tidak berputus asa  
Contoh: Cikgu Jo tabah memujuk Daneng untuk kembali ke sekolah  
1 + 1
  - mengenang budi/jasa  
Contoh : Daneng sentiasa mengenang jasa gurunya/Cikgu Jo yang sentiasa menyuruhnya menyambung pelajaran  
1 + 1
  - amanah/bertanggungjawab  
Contoh: Cikgu Jo betul-betul menunaikan tanggungjawabnya sebagai guru.  
1 + 1
  - kasih sayang  
Contoh: Cikgu Jo sangat sayang akan Daneng sebagai pelajarinya.  
1 + 1
  - bijaksana/pintar  
Contoh: Daneng merupakan pelajar pintar yang mampu mencapai kejayaan cemerlang walaupun berketurunan orang asli.

[maksimum: 4 markah]

**Soalan 2(c) : Petikan Prosa Klasik**

- (i) Maksud *hendak berhamba akan dirinya*  
Ingin menyatakan kesediaannya berkhidmat  
[maksimum: 2 markah]
- (ii) Keistimewaan Tuan Bujang
- Berani mengembara seorang diri 1
  - Berani mengembara mencari ilmu 1
  - Merendah diri untuk mencari ilmu 1
  - Darjat/pangkat/tafak/daulat Tuan Bujang lebih tinggi daripada sultan 1

[maksimum: 3 markah]

1103/2(PP)

[Lihat sebelah

**SULIT**

**SULIT**

**8**

**1103/2(PP)**

- |       |   |   |
|-------|---|---|
| (iii) | - berhati-hati semasa berada di rantau orang      | 1 |
|       | - menjaga tingkah laku supaya tidak dibenci orang | 1 |
|       | - tidak sombong/ bongkak/merendah diri            |   |
|       | menghormati guru                                  | 1 |
|       | - beradab /bersopan ketika menuntut ilmu.         | 1 |
- [maksimum: 3 markah]**

**2(d) : Pemahaman puisi/syair**

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| (i) | Kelebihan ilmu  |   |
|     | - Lebih berharga daripada harta dunia/tidak boleh dijual beli | 1 |
|     | - Nilai ilmu terlalu tinggi                                   | 1 |
|     | - Berfaedah di mana-mana sahaja                               | 1 |
| -   | Manusia berilmu mempunyai kelebihan                           | 1 |
- [maksimum: 3 markah]**

- |      |   |   |
|------|---|---|
| (ii) | Usaha-usaha   |   |
|      | - Memastikan semua rakyat mendapat pendidikan/memperbanyak sekolah di seluruh negara          | 1 |
|      | - Menggalakkan pendidikan seumur hidup  | 1 |
|      | - Melonggarkan syarat-syarat kemasukan ke IPT/mengenakan syarat kemasukan ke IPT yang minimum | 1 |
|      | - Kempen kesedaran kepentingan ilmu   | 1 |
|      | - Mengambil tindakan terhadap ibu bapa yang sengaja mengabaikan pendidikan anak               | 1 |
|      | - Memberikan bantuan kewangan/biasiswa kepada pelajar-pelajar miskin/tidak berkemampuan       | 1 |

**[maksimum: 3 markah]**

- |       |   |   |
|-------|---|---|
| (iii) | Bentuk syair/puisi                                  |   |
|       | - Bentuk terikat                                    | 1 |
|       | - Jumlah rangkap ialah 6                            | 1 |
|       | - Jumlah baris dalam rangkap sama/4 baris serangkap | 1 |
|       | - Jumlah perkataan dalam baris antara 4 hingga 5    | 1 |
|       | - Jumlah suku kata antara 9 – 12                    | 1 |
|       | - Rima akhirnya sama, iaitu a,a,a,a                 | 1 |

**[maksimum: 3 markah]**

**1103/2(PP)**

**[Lihat sebelah**

**SULIT**

**Soalan 3**

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. **Tolak ½ markah** bagi kesalahan **ejaan dan jalan bahasa/tanda baca** untuk keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, **berikan 0 markah**.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, **berikan 0 markah**.
5. Jika memberi makna dan tepat maknanya, berikan markah penuh **1 markah**.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, **tolak ½ markah** bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
10. Sengaja menambah atau mengubah imbuhan (jika berkenaan), berikan 0 markah
11. Ayat yang tidak logik berikan **0 markah**

**Soalan 3 (a) Bina Ayat**

- (i) aman damai: **bebas** daripada keadaan kacau-bilau, **bebas** daripada gangguan, sangat damai/tenang/tenteram (suasana)
- (ii) bijak bestari: benar-benar bijak
- (iii) cantik menawan: sangat menarik/elok/memikat
- (iv) gagah berani: sangat kuat/perkasa/bertenaga/berani
- (v) harum mewangi: bau yang wangi (bunga/maruah/nama/kehormatan)
- (vi) sihat sejahtera: tidak kena sebarang penyakit, dalam keadaan yang baik/tenteram/terpelihara daripada bencana.

**[Maksimum : 6 markah]**

**Perhatian bagi soalan 3(b)**

1. Berikan **1 markah** bagi setiap ayat yang betul.
2. **Tolak ½ markah** bagi kesalahan **ejaan dan jalan bahasa** untuk keseluruhan ayat.

Jawapan:

1. Program Nilam menekankan kuantiti buku yang dibaca.
2. Pelajar diberi kebebasan memilih jenis bacaan.
3. Bahan yang menjadi pilihan pelajar ialah bahan yang hampir dengan umur mereka
4. Bahan yang menjadi pilihan pelajar ialah bahan yang hampir dengan persekitaran mereka.
5. Hal itu dianggap memadai pada peringkat asas.
6. Hal itu dianggap memadai pada peringkat sederhana

**[Maksimum : 6 markah]**



**SULIT**

**10**

**1103/2(PP)**

**3 (c)**

i.	matlamat	membasmi
ii.	akademik	mengagumkan
iii.	menemui	pasport

**[Maksimum : 6 markah]**

**3 (d)**

i.	berbilang	yang
ii.	dalam	kenaikan
iii.	kebanyakan penduduk/penduduk-penduduk	menuai

**[Maksimum : 6 markah]**

**Perhatian bagi soalan 3(e)**

1. Berikan 2 markah bagi setiap peribahasa dengan betul  
– **maksimum 3 peribahasa** sahaja.
2. **Satu** peribahasa untuk **satu** situasi, tiada markah sekiranya calon mengulang peribahasa bagi situasi yang sama.

i.	Buta huruf ATAU
	Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan/hendak seribu daya tak hendak seribu dalih
ii.	Genggam bara api biar jadi arang
iii.	Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan.

**[Maksimum : 6 markah]**

**1103/2(PP)**

**[Lihat sebelah**

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah.

**Panduan pemarkahan bagi soalan 4**

4(a)

- (i) Jawapan berdasarkan **sebuah novel** yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Berikan **1 markah** untuk **satu isi** dan 1 markah untuk **1 huraian** yang lengkap.
- (iv) Jika calon tidak menyatakan perwatakan watak sampingan, berikan 0 markah
- (v) Huraian yang menggambarkan perwatakan watak sampingan, berikan 1 markah
- (vi) Contoh/huraian yang tidak menyatakan perwatakan, berikan 0 markah.
- (vii) Markah **isi maksimum 4 markah** (maksimum 2 markah bagi setiap isi)
- (viii) Markah **bahasa maksimum 3 markah**
- (ix) Markah bahasa diberikan secara 'impression'
  - i. Baik = 3 markah
  - ii. Sederhana = 2 markah
  - iii. Lemah = 1 markah
- (x) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa
- (xi) Calon tidak menjawab 0 markah

**[Maksimum : 7 markah]**

4(b)

- (i) Jawapan berdasarkan **dua buah novel** yang dipelajari.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap
- (iii) Berikan **1 markah** untuk **1 latar**.
- (iv) Berikan 2 markah untuk huraian latar yang lengkap dan jelas.
- (v) Huraian tanpa latar/isi **berikan 0 markah**.
- (vi) Markah **isi maksimum 6 markah**
- (vii) **Markah bahasa maksimum 2 markah**
- (viii) Markah bahasa diberikan secara *impression*.
  - Baik = 2 markah
  - Lemah = 1 markah
- (ix) Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- (x) Calon tidak menjawab, 0 markah

**[Maksimum: 8 markah]**

**SULIT**

**12**

**1103/2(PP)**

**Soalan 4:**

**4(a) Watak sampingan**

**Novel Perlumbaan Kedua**

**Sang Arnab Putih**

- (i) Sombong/angkuh/megah/menunjuk-nunjuk/meninggi diri  
Huraian : SAP memandang hina Tuk Kura yang berjalan lambat/  
Berasa hebat berbanding Tuk Kura / Bangga apabila dipuji  
oleh S. Kancil akan kepantasannya. 1+1
- (ii) Mudah dihasut/tiada pendirian/cetek pengalaman/pendek akal  
Huraian : SAP dihasut oleh SKI tentang kekalahan nenek moyangnya dalam  
perlumbaan pertama/Umur masih muda berbanding Tuk Kura/ tidak pandai  
mengatur strategi sehingga menguntungkan lawan 1+1
- (iii) Tiada keyakinan diri  
Huraian: mengupah Sang Tedung mengawasi pergerakan Tuk Kura 1+1
- (iv) Suka akan pujian/makan puji  
Huraian: SAP apabila dipuji oleh SK bahawa dia pantas berlari. 1+1
- (v) Suka menyindir  
Huraian: Menyindir SKI sebab kakinya kecil dan tirus pasti tidak kuat berlari. 1+1

**Sang Gajah**

- (i) Adil  
Huraian: SG memberi amaran kepada pihak yang menipu dalam pertandingan 1+1
- (ii) Simpati/suka menolong  
Huraian: SG menawarkan pertolongan untuk membantu Tuk Kura yang jatuh  
semasa melawat lokasi pertandingan 1+1
- (iii) Amanah/bertanggungjawab  
Huraian: SG menjelaskan syarat pertandingan kepada semua yang hadir  
sebelum pertandingan akan dimulakan 1+1
- (iv) Menghargai kelebihan orang lain  
Huraian: SG menghargai /menyanjung tinggi kehebatan /kebijaksanaan  
Tok Kura 1+1

**Sang Tedung**

- (i) Suka mengambil kesempatan  
Huraian: ST bercerita tentang latihan yang diberikan oleh Tuk Kura kepada  
pelatih-pelatihnya demi mendapatkan habuan. 1+1
- (ii) Mengharapkan balasan  
Huraian: ST sanggup mengintip Tuk Kura kerana mengharapkan upah telur  
ayam daripada SAP 1+1

**1103/2(PP)**

**[Lihat sebelah**

**SULIT**

**SULIT**

**13**

**1103/2(PP)**

**4(b) Novel Julia**

**Jun:**

- i) Ikhlas/ baik hati/mulia  
Huraian: Menawarkan peluang kepada Julia supaya bekerjasama dengan perniagaan keluarganya  
1+1
- ii) Pandai mengambil hati:  
Huraian: Menghadihkan buku " Membujur Lalu... Pengalaman orang Melayu " panduan untuk mengurus perniagaan  
1+1
- iii) Suka memberi nasihat/pertolongan:  
Huraian: Menasihati Julia cara menyelesaikan masalah BPRO Holding.  
1+1
- iv) Penyayang  
Huraian: Mencintai Julia tetapi tidak pernah menyatakan isi hati./ Ambil berat tentang diri Julia/ adik-adiknya.  
1+1
- V ) Bersopan.  
Huraian : pandai menghormati orang tua  
1+1

**Rashid**

- i. Tidak menghormati orang tua/biadab/kasar /tidak beradab  
Huraian: Rashid berlagak samseng di rumah Julia/ Rashid tidak menghormati Nenek Maryam ketika berkunjung ke rumah Julia.  
1+1
- ii. Tamak  
Huraian :Rashid berhasrat berkongsi harta kekayaan Julia selepas kematian Datuk Bakar dan Datin Maznah.  
1+1
- iii. Penghasut/Suka mendesak/mengugut /pendendam  
Huraian: Rashid mendesak Julia kembali bersamanya. Jika Julia enggan dia mengugut untuk mendedahkan rahsia kelakuan silam Julia yang buruk.  
1+1
- iv. Tidak memahami perasaan orang lain/mementingkan diri sendiri  
Huraian Rashid mengajak Julia keluar berfoya-foya sedangkan Julia baru saja kematian abah dan mamanya.  
1+1
- v. Pegangan agama yang tidak kukuh  
Huraian : Rashid mengamalkan cara hidup yang ditegah oleh agama/bersosial.  
1+1

**Datuk Bakar**

- i. Gigih :  
Huraian: Datuk Bakar Gigih menguruskan perniagaan  
1+1
- ii. Berpandangan jauh/berwawasan :  
Huraian: Datuk Bakar bijak memilih HIC sebagai tempat Julia belajar dalam bidang agama.

**1103/2(PP)**

**[Lihat sebelah**

**SULIT**

**SULIT**

**14**

**1103/2(PP)**

- i. Penyayang . 1+1  
 Huraian : Datuk Bakar sayang kepada anak-anak dan isteri
- ii. Mementingkan didikan agama . 1+1  
 Huraian: Datuk Bakar bersembahyang jemaah dan mengadakan kuliah Subuh. 1+1
- **Markah isi** = 6 markah
  - **Bahasa** = 2 markah

**4(b) Perbezaan latar masyarakat**

Bil	Perlumbaan Kedua	Julia
1.	Masyarakat binatang yang tinggal di dalam hutan seperti kura-kura, arnab, gajah, harimau dan lain-lain	Masyarakat kota atau masyarakat kosmopolitan iaitu masyarakat yang mementingkan kebendaan/mementingkan diri sendiri/kurang mementingkan agama, contohnya, Syed Mustaffa mementingkan kebendaan kerana ingin memiliki Butik BMPRO.
2.	Masyarakat binatang yang mementingkan prinsip keadilan, contohnya Sang Gajah yang dipilih menjadi hakim dalam perlumbaan kali kedua.	Masyarakat korporat yang berlumba-lumba dalam perniagaan, contohnya Datuk Khor yang mementingkan diri sendiri kerana ingin memiliki BPRO Transport.
3.	Masyarakat binatang yang pentingkan diri, contohnya bapa SAP sanggup merasuah Sang Tedung asalkan latihan Tuk Kura terjejas.	Masyarakat korporat yang bekerjasama, contohnya Cinta Sejati Travel & Tours bekerjasama dengan BPRO Holdings dalam projek <i>homestay</i> .
4.	Masyarakat binatang yang sombong akan kekuatan diri, contohnya SAP yang sombong akan ketangkasannya berlari.	Masyarakat korporat yang merendah diri, contohnya Jun sentiasa bersikap merendah diri dan bersedia membantu Julia untuk menguruskan syarikatnya.
5.	Masyarakat binatang yang cepat berputus asa, contohnya Tuk Kura meninggalkan suku sakatnya selepas didera.	Masyarakat korporat yang cekal, contohnya Julia berusaha memulihkan syarikatnya yang terperangkap dalam kemelut kemelesetan ekonomi.
6.	Masyarakat binatang yang mengamalkan sikap adu domba, contohnya Sang Kancil yang telah mencabar SAP supaya berlumba kali kedua untuk menebus kekalahan nenek moyangnya.	Masyarakat yang prihatin, contohnya Jun memujuk Julia supaya bersabar menghadapi dugaan kehilangan kedua-dua ibu bapanya.
7.	Masyarakat binatang yang mengamalkan rasuah, contohnya Sang Tedung memegang prinsip bahawa habuan penting dalam melakukan sesuatu tugas.	Masyarakat yang ikhlas bekerja, contohnya Encik Hashim banyak membantu Julia ketika Julia masih baru dalam perniagaan.

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT.**

**1103/2(PP)**

[Lihat sebelah

**SULIT**